# SEKALI LAGI, KOTAKAN KATA - JAG MEDIA STATEMENT, 22 FEB 2013

The Joint Action Group for Gender Equality (JAG) welcomes our Prime Minister's promise that "the government would hasten effort to make changes to legislation, regulations, practices and thinking that
obstructed the progress of women." We look forward to seeing action match the rhetoric and call for pro-women legislation to be passed without delay, by the government of the day.

We trust that the promise made by Dato' Sri Najib Razak, who is also the Minister of Women, Family and Community Development, that "something good will not take seven years" demonstrates his cognisance of the seventeen years it took to amend the Domestic Violence Act and a new determination to prevent further delays to law reform.

Law and policy reforms that ensure justice and challenge discrimination should not take seven or more years before being passed and implemented. Justice delayed is justice denied.

Yet, in our experience, such delays are the norm. In just over a decade, JAG has submitted 22 memoranda to the government that highlighted urgent areas for reform and action. Most of these have received scant attention or response. Efforts to adopt pro-women laws and policies can begin with a review of these memos and the recommendations contained within.

In particular, we call for the following reforms to be prioritised:

- Ensure that all state and federal laws prohibit gender-based discrimination, in line with Article 8(2) of the Federal Constitution, and that all national legislation is consistent with the Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women.
- Table the pending amendments to the regressive Islamic Family Law (Federal Territories) (Amendment) Act 2006 that were agreed upon by members of the Syariah Community Meeting organised by the Attorney General's Chambers in 2006.
- Amend our rape laws to expand the definition of rape to include rape with an object and marital
- Expand the Domestic Violence Act to cover intimate partnerships, to harmonise it with all relevant pieces of criminal justice legislation, and to standardise institutionalised support for

● Introduce comprehensive laws on sexual harassment, with sensitive procedures and remedies

In 2008, JAG called for elected representatives to 'Kotakan Kata!' and make good on election promises to end gender-based discrimination and uphold women's rights. Five years hence, we are once again at the cusp of a general election. And once again our politicians repeat their promises. Which pledge is genuine and which a blatant appropriation of women's issues?

In the upcoming days, not only will JAG be measuring the performance of potential parliamentary candidates on our demands, we will also be educating women constituencies around the country on how to monitor whether their representatives take women's rights issues seriously and ways to hold them accountable.

Mahatma Gandhi once said, "Action expresses priorities." Similarly, credibility rests in action. A government that prioritises women should demonstrate its ability and willingness to change laws that work against women. Enough talk: now is the time to act.

---

JAG mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri yang menjamin "kerajaan bersedia melakukan perubahan terhadap undang-undang, peraturan, amalan dan pemikiran yang menghalang wanita untuk lebih maju". Kami mengharapkan jaminan ini menjadi realiti dan menyeru undang-undang pro-wanita diluluskan dengan segera, oleh mana-mana pihak yang kelak membentuk kerajaan.

Dato' Sri Najib Razak, yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, menjamin bahawa sesuatu yang baik tidak akan memakan masa tujuh tahun untuk dicapai. Kami berharap beliau telah mengambil kira bahawa pindaan positif kepada Akta Keganasan Rumah Tangga hanya diluluskan pada tahun 2011, 17 tahun selepas akta asal diluluskan pada tahun 1994. Perubahan undang-undang dan dasar-dasar untuk memastikan keadilan serta menghentikan diskriminasi tidak sepatutnya mengambil masa tujuh tahun atau lebih untuk diluluskan dan dilaksanakan. Keadilan yang ditangguhkan ialah keadilan yang dinafikan.

Namun, kami dapati penangguhan seperti ini adalah suatu kebiasaan. Dalam masa sedekad lebih, JAG telah menyampaikan 22 memorandum kepada pihak kerajaan yang mengutarakan isu-isu wanita yang memerlukan tindakan segera. Kebanyakan memorandum ini tidak diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Usaha untuk meluluskan undang-undang dan dasar-dasar pro-wanita boleh bermula dengan mengkaji semula memorandum-memorandum ini.

Khususnya, sebarang perubahan harus memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:

- Pastikan semua undang-undang negeri dan persekutuan melarang diskriminasi berdasarkan jantina, selaras dengan Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan dan Konvensi Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).
- Bawa ke Parlimen pindaan-pindaan kepada Akta Undang-Undang Keluarga Islam (WilayahWilayah Persekutuan) (Pindaan) 2006 yang tergendala walaupun sudah dipersetujui oleh Mesyuarat Komuniti Syariah Pejabat Peguam Negara pada 2006.
- Meminda undang-undang mengenai rogol supaya definisi rogol merangkumi rogol dengan menggunakan objek dan rogol dalam perkahwinan.
- Memperluaskan Akta Keganasan Rumah Tangga supaya merangkumi pasangan yang tidak berkahwin, supaya ianya selaras dengan undang-undang jenayah yang berkenaan, dan supaya bantuan untuk mangsa keganasan rumah tangga diinstitusikan.
- Luluskan undang-undang yang menyeluruh mengenai gangguan seksual, termasuk prosedurprosedur dan remedi sensitif.

Pada tahun 2008, JAG menyeru wakil-wakil rakyat untuk "Kotakan Kata!" dan melaksanakan jaminanjaminan pilihanraya untuk menghentikan diskriminasi berdasarkan jantina dan menegakkan hak-hak wanita. Lima tahun kemudian, pilihanraya umum sekali lagi menghampiri dan ahli-ahli politik giat mengulangi jaminan-jaminan dan janji-janji pilihanraya. Adakah retorik ini sekadar mengambil kesempatan ke atas isu-isu wanita?

Menjelang pilihanraya umum ke-13, JAG akan memerhati sama ada calon-calon pilihanraya mengambil kira tuntutan-tuntutan kami, serta mengajar serta memperkasa pengundi-pengundi wanita bagaimana untuk memantau calon-calon pilihanraya supaya mengutamakan isu-isu wanita.

Mahatma Gandhi pernah berkata "tindakan menzahirkan keutamaan". Seperti itu, kredibiliti juga bergantung kepada tindakan. Kerajaan yang mengutamakan wanita seharusnya membuktikan kebolehan dan keinginan untuk mengubah undang-undang yang bercanggah dengan hak-hak wanita. Daripada menjadi tin kosong, lebih baik diam-diam ubi berisi. Kini adalah masa untuk bertindak.

>>>>>>>>>>>>>>>>

*Press statement released by the Joint Action Group for Gender Equality (JAG), which comprises:*

*Kenyataan akhbar ini dikeluarkan oleh Gabungan Kumpulan Wanita Bertindak bagi Kesamarataan*
*Gender (JAG) yang terdiri daripada:*

*Sisters In Islam (SIS)*
*Women's Aid Organisation (WAO)*
*All Women's Action Society (AWAM)*
*Women's Centre for Change, Penang (WCC)*
*Perak Women for Women Society (PWW)*
*Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (EMPOWER)*
*The Sabah Women Action Resource Group (SAWO)*
*Persatuan Sahabat Wanita Selangor (PSWS)*
*Tenaganita*